

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 FEBRUARY 2017



**ZAID IBRAHIM** bersama Mahathir Mohamad dan Lim Kit Siang dalam sidang akhbar mengenai kemasukan bekas Menteri di Jabatan Perdana itu ke parti DAP di Petaling Jaya semalam.

## Zaid Ibrahim lompat parti lagi sertai DAP <sup>UM</sup> - 8/2/2017

**KUALA LUMPUR 7 Feb.** - Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim hari ini mengumumkan menyertai DAP yang merupakan parti keempat dianggotai beliau sepanjang karier politiknya.

Pengumuman itu dibuat dalam satu sidang akhbar yang diikuti dengan penyerahan borang sebagai ahli parti kepada Pemangku Pengerusi Kebangsaan DAP, Tan Kok Wai di kediamannya dekat Petaling Jaya di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam sidang akhbar tersebut bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Penasihat DAP, Lim Kit Siang serta beberapa pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan PAN.

Sebagai rekod, Zaid sebelum ini pernah menganggotai UMNO,

PKR selain menubuhkan Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA).

Dalam sidang akhbar tersebut, Zaid menjelaskan keputusan beliau menyertai DAP adalah atas kehendaknya sendiri dan bukan disebabkan paksaan atau pengaruh pihak tertentu.

Beliau juga mengakui rancangan untuk menyertai parti itu telah difikirkan sejak beberapa bulan lalu.

“Kenapa saya pilih DAP? Kenapa tidak? Ada banyak pilihan, semua kawan-kawan tetapi dengan DAP saya selesa juga.

“PPBM ramai pemimpin Melayu yang sudah terkenal dan hebat tetapi DAP kurang sikit, kalau masuk bolehlah saya jumpa orang Melayu terangkan keadaan dalam DAP,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir dalam sidang akhbar berkenaan berharap Zaid akan ‘duduk’ lebih lama dalam DAP.

“Dalam negara kita ini banyak keturunan katak. Katak pandai lompat, lompat sana, lompat sini, inilah katak. Nak tekup sahaja dia lompat, sifat katak (perlu) ketepikan dalam parti pembangkang,” ujar beliau.

Mengulas penyertaan ahli baharu DAP itu, Kit Siang berharap Zaid dapat memainkan peranan secara berpasukan dan bukannya berlagak sebagai primadona.

“Ramai bertanya sama ada benar Zaid sertai DAP, keduanya berapa lama beliau boleh tahan dalam DAP. Saya kenal Zaid lama, Kalau beliau ada kelemahan, belajar untuk jadi *team player*, bukannya primadona,” jelas beliau.